

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : IR.SHAHARUDDIN BIN ISMAIL**

**TARIKH : 16 MEI 2016**

**SOALAN :**

**IR.SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [ KANGAR ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah jenis khidmat kemahiran dan latihan yang disediakan kepada pengemis yang berumur bawah 60 tahun supaya mampu menyara diri dan seterusnya mengekang aktiviti mengemis yang semakin berleluasa.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai 5 buah institusi Desa Bina Diri (DBD) yang memberi jagaan, perlindungan dan pemulihan kepada orang papa agar mereka menjadi produktif dan berkemahiran serta mempunyai sikap yang positif untuk diintegrasikan dalam masyarakat. Institusi tersebut adalah seperti berikut :

- i) DBD Mersing;
- ii) DBD Jerantut;
- iii) DBD Kota Kinabalu; dan
- iv) DBD Kuching
- v) Pusat Sehenti Bina Diri Sungai Buloh.

Bagi menyediakan penghuni DBD agar dapat diintegrasikan dalam masyarakat, mereka akan menjalani pemulihan, latihan kerjaya dan kemahiran (vokasional, pertanian, kraf tangan) bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun.

DBD juga mengadakan program "*Job Opportunity*" kepada penghuni-penghuni yang boleh dilatih bagi menyesuaikan penghuni dengan alam pekerjaan. Program ini adalah merupakan inisiatif DBD dengan syarikat-syarikat swasta dan persendirian di kawasan berdekatan institusi untuk menempatkan penghuni di alam pekerjaan sebagai persediaan penghuni untuk diintegrasikan dalam masyarakat.

Sejak tahun 2010 hingga Disember 2015, sejumlah 198 orang penghuni telah dibebaskan untuk kembali tinggal dengan keluarga dan 92 orang penghuni program "*Job Opportunity*" di DBD mendapat pekerjaan seperti insan lain dalam masyarakat.

Kesimpulannya, KPWKM sentiasa komited untuk meneruskan usaha membela kesejahteraan sosial kumpulan sasaran agar mereka dapat menjalani kehidupan yang berdikari, berintegriti dan bermaruah sebagai sebahagian daripada anggota yang produktif dalam keluarga, komuniti dan masyarakat secara inklusif.